

PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH
DI SEKOLAH RENDAH KAWASAN DURIAN TUNGGAL, MELAKA

NOOR AZIZAH BINTI JAWAL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2013

Ditujukan khas untuk suami, anak-anak dan bonda tercinta.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ikhlas kepada penyelia, Prof. Dr. Yusof Bin Boon atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh kajian projek sarjana ini.

Tidak dilupakan juga kepada keluarga yang banyak berkorban masa dan tenaga sepanjang tempoh kajian ini.

Kerjasama daripada pihak Jabatan Pelajaran Melaka serta sekolah-sekolah rendah yang terlibat amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek sarjana ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, tahap amalan dan masalah dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) oleh guru-guru di lima buah sekolah di kawasan Durian Tunggal, Melaka. Kajian ini melibatkan 50 orang responden yang telah berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KSSR) dan telah melaksanakan PBS di sekolah masing-masing. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala *Likert* lima mata. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.862. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap pengetahuan, tahap amalan dan masalah guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah rendah kawasan Durian Tunggal, Melaka berdasarkan profil demografi guru iaitu jantina, bangsa dan tempoh perkhidmatan. Kajian juga mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan masalah guru dengan tahap amalan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah. Dapatan data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20.0. Ujian-t dan ujian ANOVA pada aras signifikan $\alpha = 0.05$ digunakan dalam menjawab persoalan kajian. Min, frekuensi dan peratusan juga digunakan dalam menganalisis data. Dapatan analisis data menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan tahap amalan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah positif dan di tahap yang tinggi serta masalah guru di tahap yang sederhana. Hasil kajian juga membuktikan bahawa pengurusan yang baik dapat membantu guru-guru melaksanakan pentaksiran dengan lebih sistematik serta sentiasa dibuat penambahbaikan.

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate the level of knowledge, level of practice and problem in implementing the School-Based Assessment (SBA) in five primary schools in Durian Tunggal's area in Melaka. The study is involving 50 respondents who had been experienced in teaching new KSSR's curriculum and also had carried out the SBA in their schools. The type of this study is using the descriptive analysis and a set of questionnaires measuring with five points of Likert's Scale. The Cronbach Alpha coefficient for the instrument is 0.862. The purpose of this study also to look whether there are differences between level of knowledge, practice and problem arise among teachers in implementing the School-Based Assessment in school. The results were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20.0. The T-Test and ANOVA test were at level $\alpha = 0.05$ and used to answer the questions. Mean, frequencies dan percentages were also used to analyse this study. Overall, the results showed that the level of knowledge and level of practice among teachers in implementing the School-Based Assessment is positive and high. Meanwhile the problem is average. As a result, this study proved that well-managed School-Based Assessment will help the teachers to carry out the tasks systematically and able to make improvements onwards.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI SIMBOL	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar belakang masalah	3
	1.2 Pernyataan masalah	5
	1.3 Objektif kajian	6
	1.4 Persoalan kajian	7
	1.5 Hipotesis Kajian	7
	1.6 Kerangka Teori / Model Kajian	8
	1.7 Kerangka Kajian	10
	1.8 Rasional Kajian	11

1.9	Batasan Kajian	11
1.10	Prosedur Kajian	12
1.11	Definisi Istilah dan Operasional	14
	1.11.1 Pengurusan	
	1.11.2 Pentaksiran	
	1.11.3 Pengetahuan	15
	1.11.4 Amalan	16
	1.11.5 Demografi	
	1.11.6 Masalah	17
1.12	Penutup	17
2	SOROTAN KAJIAN	
2.0	Pengenalan	19
2.1	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	19
	2.1.1 Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	20
	2.1.2 Perkaitan antara Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan Penilaian Berpusat	21
	2.1.3 Pengurusan dan Tanggungjawab Guru Terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	22
2.2	Teori / Model	22
	2.2.1 Model Kurikulum Taba	23
	2.2.2 Teori Pengurusan Matlamat Peter Drucker (1954)	24
	2.2.3 Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM)	27
	2.2.3.1 Konsep TQM dan Ciri-cirinya	28
	2.2.4 Concerns-Based Adoption Model (CBAM)	29
2.3	Kajian Terdahulu	30

2.3.1	Kajian Luar Negara	
2.3.2	Kajian Dalam Negara	32
2.4	Penutup	33
3	METODOLOGI	
3.0	Pengenalan	34
3.1	Reka Bentuk Kajian	
3.2	Lokasi Kajian	35
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	36
3.4	Instrumen Kajian	37
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	38
3.6	Prosedur Kajian	38
3.7	Analisis Data	39
3.8	Kajian Rintis	40
3.9	Penutup	42
4	ANALISA DATA	
4.0	Pengenalan	43
4.1	Analisa data Bahagian A: Profil responden	44
4.2	Analisa data Bahagian B	45
4.2.1	Dapatan persoalan kajian 1	46
	Apakah tahap pengetahuan guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka?	
4.3	Analisa data Bahagian C	47
4.3.1	Dapatan Persoalan Kajian 2	47
	Apakah tahap amalan guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah di	

	Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka?	
4.4	Analisa data Bahagian D	49
4.4.1	Dapatan Persoalan Kajian 3 Apakah masalah guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka?	
4.5	Analisa Persoalan Kajian 4	51
4.5.1	Dapatan Persoalan Kajian 4 Apakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan, tahap amalan dan masalah guru mengikut demografi (jantina, bangsa, tempoh perkhidmatan) dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka?	
4.6	Analisa persoalan kajian 5	55
4.6.1	Dapatan persoalan kajian 5 Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan masalah guru terhadap PBS dengan amalan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka?	
4.7	Penutup	56
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	58
5.1	Rumusan Kajian	58

5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	60
5.2.1	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap PBS	61
5.2.2	Tahap Amalan Guru Dalam Pelaksanaan PBS	63
5.2.3	Masalah Guru Dalam Pelaksanaan PBS	64
5.2.4	Perbezaan Pendapat Tahap Pengetahuan, Amalan dan Masalah Guru Dalam Pelaksanaan PBS Berdasarkan Jantina, Bangsa dan Tempoh Perkhidmatan	65
5.2.5	Hubungan Yang Signifikan Antara Tahap Pengetahuan dan Masalah Guru Dengan Amalan Guru Dalam Pelaksanaan PBS	66
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	66
5.3.1	Implikasi Kepada Pelaksanaan PBS di Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka	67
5.3.2	Implikasi Pelaksanaan PBS Kepada Pejabat Pelajaran Daerah Dan Jabatan Pelajaran Negeri	68
5.3.3	Implikasi Pelaksanaan PBS Kepada Guru Besar di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka	69
5.3.4	Implikasi Pelaksanaan PBS Kepada Tahap Profesionalisme Guru	70
5.4	Cadangan Tindakan	71
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	72
5.6	Penutup	7
	BIBLIOGRAFI	74
	LAMPIRAN	78

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Tujuh langkah pelaksanaan Modul Kurikulum Taba	23
3.1	Skala Likert 5 mata	37
3.2	Jadual pembahagian item-item dalam instrumen soal selidik	38
3.3	Jadual penggunaan statistik dalam menganalisis dan mengikut persoalan kajian	39
3.4	Penilaian skor min	40
3.5	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	40
3.6	Indeks Pekali Alpha Cronbach	41
3.7	Indeks Pekali Alpha Cronbach instrumen soal selidik	42
4.1	Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	44
4.2	Bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa	
4.3	Bilangan dan peratusan responden mengikut tempoh perkhidmatan	45
4.4	Tahap pengetahuan guru terhadap PBS	46
4.5	Tahap amalan guru dalam pelaksanaan PBS	48
4.6	Masalah guru dalam pelaksanaan PBS	50
4.7	Analisis ujian-t tentang tahap pengetahuan guru berdasarkan jantina	51
4.8	Analisis ujian-t tentang tahap amalan guru berdasarkan jantina	52
4.9	Analisis ujian-t perbandingan masalah guru berdasarkan jantina	52
4.10	Analisis ANOVA tentang tahap pengetahuan, amalan dan masalah guru berdasarkan bangsa guru	53
4.11	Analisis ANOVA tentang tahap pengetahuan, amalan	54

	dan masalah guru berdasarkan tempoh perkhidmatan guru	
4.12	Analisis korelasi hubungan tahap pengetahuan guru dengan tahap amalan guru dalam pelaksanaan PBS	55
4.13	Analisis korelasi hubungan masalah guru dengan tahap amalan guru dalam pelaksanaan PBS	56

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Model Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	8
1.2	Kerangka Kajian Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah	10
1.3	Carta alir prosedur kajian	13
2.1	Lima langkah proses pengurusan maklumat	26

SENARAI SINGKATAN

CBAM	-	<i>Concerns-Based Adoption Model</i>
FPM	-	Fail Perkembangan Murid
JPM	-	Jabatan Pelajaran Melaka
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KSSM	-	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia
N	-	Neutral
NO.	-	Nombor
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PLBS	-	Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
STS	-	Sangat Tidak Setuju
SAPS	-	Sistem Analisa Peperiksaan Sekolah
SBA	-	<i>School-Based Assessment</i>
SBOA	-	<i>School-Based Oral Assessment</i>
SPPBS	-	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SPPK	-	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SUP	-	Setiausaha Peperiksaan
TQM	-	<i>Total Quality Management</i>
TS	-	Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
3M	-	Mengira, Menulis, Membaca

SENARAI SIMBOL

df	-	<i>Degree of freedom</i>
N	-	<i>Numerator</i>
α	-	Aras keertian
<i>r</i>	-	Nilai korelasi
>	-	Lebih besar
\geq	-	Lebih besar atau sama dengan
=	-	Sama dengan
%	-	Peratus
Sig.	-	Signifikan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Instrumen Soal Selidik Kajian	78
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian - EPRD	83
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian - JPN	84
D	Surat Pengesahan Status Pelajar	85
E	Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 11 Tahun 2010 Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Satu Mulai 2011	86
F	Analisis Statistik Dapatan Kajian	87

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Perubahan sistem pendidikan di Malaysia melalui beberapa fasa iaitu sebelum merdeka, selepas merdeka dan juga melalui reformasi sistem itu sendiri. Justeru itu, ianya dilihat sebagai satu kaedah yang dapat membantu proses perkembangan pelajar secara tidak langsung melalui pembentukan kurikulum yang dapat memenuhi kehendak semua kaum di negara ini. Sistem pendidikan sebelum merdeka lebih menjuruskan kepada pecah dan perintah dan penubuhan sesebuah sekolah adalah mengikut komposisi sesuatu kaum. Perubahan ketara berlaku dalam sistem pendidikan selepas kemerdekaan negara iaitu dengan melibatkan pandangan serta kajian yang dibuat oleh para pemimpin negara agar pendidikan di negara kita mempunyai hala tuju serta dapat memenuhi kehendak semua kaum dan juga negara seperti yang terkandung dalam Penyata Razak (1956) dan seterusnya Laporan Rahman Talib. Implikasi dan kesan daripada kedua-dua laporan tersebut menyebabkan Akta Pelajaran 1961 dibentuk. Ini bertujuan agar semua rakyat di Malaysia diwajibkan memulakan sesi persekolahan seawal usia lima tahun di peringkat pra sekolah sehinggalah menamatkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, kedua-dua laporan ini menitikberatkan untuk perpaduan bangsa serta dapat membantu menjana ekonomi negara.

Jelas kini, bahawa sistem pendidikan juga sentiasa mengalami perubahan seiring dengan arus kemajuan serta mengalami evolusi dalam pendidikan itu sendiri. Kini, pendidikan di negara kita bukan sahaja untuk perpaduan bangsa malah lebih

kepada pembangunan dan pembentukan diri pelajar secara menyeluruh yang melibatkan proses perubahan dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan juga spiritual secara seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini bukan sahaja dapat melihat potensi pelajar di dalam bidang akademik tetapi lebih memperkembangkan potensi pelajar bagi membolehkan generasi ini mempunyai kebolehan serta mempunyai penampilan diri yang hebat dan pendidikan negara dapat menghasilkan kemenjadian pelajar yang memenuhi kehendak pembangunan negara.

Kehebatan pelajar di negara kita ini sering dilihat melalui kecemerlangan akademik di sekolah dan juga institusi pengajian tinggi. Kurikulum yang dibentuk seperti Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) menuntut pembangunan menyeluruh potensi pelajar namun demikian, penekanan kepada peperiksaan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menjurus kepada menyediakan pelajar untuk boleh menjawab soalan peperiksaan sahaja. Oleh itu, sistem pentaksiran pelajar yang sedia ada ini hanya menekankan kepada aspek intelektual dan meminggirkan penilaian pertumbuhan dan perkembangan potensi-potensi lain yang ada pada setiap pelajar. Sehubungan itu, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah mengenalpasti kelemahan sistem pentaksiran yang dilaksanakan dan membuat beberapa usaha penambahbaikan antaranya ialah pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). SPPK adalah hasil gabungan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan juga pentaksiran dan peperiksaan pusat. Sebelum diperkenalkan dengan SPPK, beberapa ujian PBS telah dilaksanakan disekolah iaitu Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan School-Based Oral Assessment (SBOA) untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris. Usaha SPPK ini juga dibantu dengan memperkenalkan penggunaan ujian psikometrik dalam pengumpulan data dan maklumat tentang perkembangan dan pertumbuhan pelajar. Aspek penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dan pembentukan domain insaniah dan sahsiah juga diperluaskan skopnya. Maka segala kriteria yang diperkenalkan melalui SPPK ini menuntut pengupayaan sekolah dan guru-guru dalam melaksanakan proses pentaksiran pendidikan pelajar mereka sendiri di sekolah.

1.1 Latar Belakang Masalah

Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau PBS ialah suatu proses mengumpul data murid serta perkembangannya oleh guru secara berterusan sama ada dari penilaian formatif atau sumatif dan juga aktiviti yang melibatkan pembentukan sahsiah individu seperti kegiatan kokurikulum, koakademik, latihan amali solat dan sebagainya. Sebelum adanya Kurikulum Standard Sekolah Rendah (2011), sistem pendidikan negara lebih menekankan kepada penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira yang terkandung di dalam kurikulum KBSR dan juga KBSM. Selain dari itu, proses pengajaran dan pembelajaran guru lebih menjuruskan kepada peperiksaan berbanding melihat perkembangan pelajar melalui aktiviti sampingan selain dari bidang akademik.

Gelombang sistem pentaksiran negara jelas berubah apabila pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan sekaligus memberi pelbagai impak di kalangan guru-guru sekolah rendah. Begitu juga dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang telah diperkenalkan pada awal tahun 2012. Pelajar-pelajar Tahun 1 dan juga Tingkatan 1 pada tahun tersebut merupakan pelajar perintis untuk kurikulum pendidikan yang baharu di negara kita. KSSR bertujuan untuk menggabungkan beberapa disiplin ilmu agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, menyeronokkan dan lebih bermakna. KSSR digubal dalam bentuk pernyataan standard kandungan iaitu pernyataan yang lebih terperinci mengenai apa yang murid patut tahu dan mampu melakukannya seperti aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam satu tempoh pembelajaran. Standard pembelajaran pula menetapkan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian pelajar yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. KSSR ditadbir melalui modul-modul yang perlu dilaksanakan oleh guru untuk sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran dan dipersiapkan di dalam bentuk unit sendiri-lengkap (self-contained) yang menrangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dikenalpasti untuk dikuasai oleh pelajar.

Perubahan yang dialami dari kurikulum yang lama kepada yang baharu telah menimbulkan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah. Ini adalah kerana KSSR memberi penegasan kepada pelaksanaan kaedah pentaksiran

berasaskan sekolah bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokan dan tidak terlalu berorientasikan kepada peperiksaan sahaja. Situasi ini menyebabkan para guru perlu membuat persiapan rapi untuk setiap sesi pengajaran kerana KSSR membolehkan pentaksiran itu dilakukan secara holistik serta guru perlu melihat perkembangan dan pencapaian murid secara individu. Menurut Graham Maxwell (2006), bahawa pentaksiran boleh dilaksanakan dengan pelbagai kaedah agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan perlu juga ditambah dengan pengurusan serta mengikut prosedur pentaksiran yang telah ditetapkan. Keadaan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti pentaksiran itu sendiri.

Guru-guru juga perlu mempunyai kesediaan mental yang kreatif dan inovatif. Ketika ini, hanya guru-guru yang telah menghadiri kursus tentang pelaksanaan kurikulum baharu ini sahaja yang dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran disekolah. Kecairan maklumat berkaitan KSSR juga terhad sedangkan terdapat guru yang mengajar di tahun 1 atau 2 yang tidak menghadiri kursus. Ini adalah kerana terdapat bilangan guru yang terlalu ramai di sekolah. Maka dengan itu, pengurusan dan kecairan maklumat akan menghadapi masalah serta menimbulkan pelbagai pandangan atau idea dalam melaksanakan PBS di sekolah. Menurut dapatan yang dikumpulkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) dalam buletin terbitan Oktober 2012, terdapat segelintir guru masih tidak pasti dengan pelaksanaan PBS. Maklumat yang diterima dari satu pihak ke pihak yang lain berbeza dan menyebabkan kekeliruan untuk mengendalikan proses PBS.

Penyediaan instrumen PBS juga menuntut guru untuk memilih bahan yang mengikut kesesuaian kebolehan murid. Selain dari itu, adalah sukar bagi guru-guru untuk menyediakan instrumen pentaksiran yang mencakupi standard atau piawaian yang dikehendaki oleh KSSR. Halangan ini adalah disebabkan oleh kebolehan dan pencapaian setiap murid adalah berbeza-beza dan ditambah dengan bilangan pelajar yang terlalu ramai di dalam sesebuah kelas di sekolah rendah terutamanya di kawasan bandar. Seawal pelaksanaan KSSR, guru sukar untuk membina instrumen kerana sumber dan bahan bantu mengajar adalah terhad. Akibatnya, ada dikalangan guru membuat inisiatif sendiri dengan membina laman sesawang atau membina komuniti di laman sosial di dalam internet bagi berkongsi apa sahaja dapatan atau instrumen yang berkaitan KSSR dan juga PBS. Guru bukan sahaja dilihat

menyediakan bahan bantu mengajar sendiri malahan dengan pelaksanaan PBS, apa sahaja bahan yang melibatkan pencapaian pelajar perlu didokumentasikan dan disimpan di dalam Fail Perkembangan Murid (FPM) serta perlu mengisi data prestasi pelajar melalui Sistem Pengurusan Berasaskan Sekolah (SPPBS) yang dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Isu ini merupakan salah satu isu yang telah dibentangkan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah - Pelaksanaan dan Isu PBS oleh Unit Penilaian dan Peperiksaan, Pejabat Pelajaran Daerah Hilir Perak.

Pihak sekolah juga perlu menyediakan satu jawatankuasa induk PBS itu sendiri. Pembentukan jawatankuasa induk PBS ini akan membantu pihak sekolah dalam menguruskan pelaksanaan PBS seperti pengurusan Sistem Fail PBS yang merangkumi fail untuk simpanan sekolah, fail perkembangan pelajar, fail showcase (evidens) dan fail guru mata pelajaran. Penyediaan fail murid yang banyak juga telah mengambil masa guru selain dari menyediakan bahan bantu mengajar untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru juga akan merasa terbeban sekiranya mereka mengajar di tahap yang berbeza. Situasi ini juga akan menyebabkan guru-guru yang memegang jawatan sebagai Setiausaha Peperiksaan Sekolah (SUP) mengalami bebanan dalam membantu mengendalikan dan memantau pelaksanaan pentaksiran disekolah. Guru-guru ini akan menyelaras dua pentaksiran yang berbeza kerana pelajar yang berada di dalam tahun 3 hingga 6 masih lagi menduduki sesi pengajaran dan pembelajaran kurikulum yang lama iaitu KBSR. Pelajar-pelajar ini masih lagi dinilai prestasi mereka melalui peperiksaan yang dikendalikan oleh pihak sekolah seperti ujian bulanan dan peperiksaan penggal. Selain dari memantau kemasukan data prestasi murid di dalam Sistem Analisa Peperiksaan Sekolah (SAPS), guru ini juga perlu melihat kemasukan data di dalam SPPBS.

1.2 Pernyataan Masalah

Perubahan kurikulum pendidikan di negara kita pada tahun 2011 iaitu daripada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (1983) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah telah memberikan impak yang besar di kalangan guru-guru. Begitu

juga dengan proses melihat perkembangan dan pencapaian pelajar di sekolah kini berubah daripada sistem penilaian berasaskan peperiksaan kepada sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Justeru itu terdapat pelbagai penyebaran maklumat yang berbeza-beza dalam melaksanakan PBS di sekolah.

Sebilangan guru yang dipilih untuk menghadiri kursus atau taklimat berkaitan PBS berpendapat bahawa sistem ini akan menjadikan pertambahan beban tugas guru. Selain dari itu, kecairan maklumat adalah tidak jelas dan selaras kerana ianya disampaikan melalui kursus dalam peringkat sekolah tanpa dipantau oleh pihak pegawai Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Ini jelas terbukti apabila pengendalian sistem PBS di sekolah berbeza antara satu sama lain. Guru yang ditugaskan untuk mengajar mengikut sukatan kurikulum yang baharu juga merasa terbeban dengan silibus yang lebih menekankan pencapaian pelajar secara menyeluruh serta perlu mengikut standard yang telah ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan guru-guru memberikan persepsi yang negatif terhadap sistem penilaian untuk melihat perkembangan dan pencapaian pelajar.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah;

- i. Menenalpasti tahap pengetahuan guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- ii. Menenalpasti tahap amalan guru dalam pelaksanaan PBS.
- iii. Menenalpasti masalah guru dalam pelaksanaan PBS.
- iv. Menenalpasti sama ada perbezaan tahap pengetahuan, amalan dan masalah guru dalam pelaksanaan PBS mengikut demografi (jantina, kaum, tempoh perkhidmatan).
- v. Menenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dan masalah guru dengan amalan pelaksanaan PBS.

1.4 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian adalah seperti berikut:


- i. Apakah tahap pengetahuan guru terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka?
- ii. Apakah tahap amalan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka?
- iii. Apakah masalah guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal?
- iv. Apakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan, amalan dan masalah guru mengikut demografi (jantina, kaum, tempoh perkhidmatan) dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal?
- v. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dan masalah guru dengan amalan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendah Kawasan Durian Tunggal?

1.5 Hipotesis kajian

Antara hipotesis yang terdapat di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Ho 1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengikut demografi guru terhadap Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah.
- Ho 2 Terdapat hubungan yang signifikan pengetahuan dan amalan guru terhadap Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah.

1.6 Kerangka Teori / Model kajian



Rajah 1.1: Model Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Model Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah berpandu daripada Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2011. Pembentukan model ini adalah bertujuan untuk memberikan informasi tentang hala tuju PBS yang dilaksanakan di sekolah selaras dengan perubahan kurikulum sekolah rendah iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Transformasi ini bertujuan untuk melihat bagaimana pihak sekolah dan guru menjalankan penilaian dan pengukuran pencapaian murid sekaligus mencapai objektif kurikulum baharu yang diperkenalkan. Sebelum ini, penilaian pencapaian murid adalah berdasarkan sistem peperiksaan iaitu secara formatif dan sumatif serta dilakukan secara berkala sama ada bulanan dan penggal.

Sehubungan itu, pihak Lembaga Peperiksaan telah membuat penambahbaikan sistem peperiksaan di sekolah-sekolah rendah iaitu dengan memperkenalkan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) iaitu menaksir pencapaian murid secara keseluruhan iaitu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjuruskan kepada perkembangan murid secara menyeluruh menerusi


jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Pada peringkat permulaan, penataran berkaitan dengan PBS didedahkan kepada pihak pentadbir sekolah-sekolah. Penataran ini meliputi pendedahan tentang Konsep, Kerangka dan Dasar program yang berkaitan dengan PBS seperti pentadbir sekolah, pemantau, penyelar, pentaksir sekolah dan murid-murid tentang pelaksanaannya. Ianya bertujuan agar segala panduan dan pelaksanaan PBS adalah selaras dengan apa yang ditetapkan oleh perubahan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan boleh disampaikan kepada golongan pelaksana iaitu guru bahawa suatu kaedah terbaik bagi menilai dan mengukur pencapaian dan perkembangan murid.

Penjaminan kualiti bertujuan untuk menjadikan pelaksanaan PBS mudah diurus tadbir oleh pihak sekolah dan juga guru-guru. Kesediaan guru yang tinggi dan tanggapan positif juga menjadi batu asas bagi kejayaan PBS di sekolah. Selain itu, pengurusan PBS yang sistematik mampu membantu guru-guru lebih berkeyakinan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pertemuan dan perbincangan secara berkala dan berterusan dapat membantu para guru membuat penambahbaikan proses PBS di sekolah secara tidak langsung.

Justeru itu, dengan adanya penataran dan penjaminan kualiti ini, keupayaan pihak sekolah untuk mengendalikan dan mengurus PBS adalah lebih terjamin serta lebih efektif. Adalah menjadi tanggungjawab pentadbir terutamanya Guru Besar dan Guru Penolong Kanan Kurikulum untuk lebih memberikan maklumat terkini dari masa ke semasa agar dapat memudahkan para guru menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran disamping menjalankan PBS terhadap murid-murid. Kecairan maklumat yang berkaitan secara tidak langsung membolehkan guru memahami kepentingan pentaksiran serta dapat memberikan kefahaman kepada murid-murid tentang proses PBS dan juga kepada ibu bapa. Setelah guru mempunyai pengetahuan berkaitan sistem penilaian pencapaian murid yang baru ini, mendorong guru-guru meningkatkan lagi kreativiti serta inovasi dalam penyampaian pengajaran serta mampu menyediakan bahan-bahan bantu mengajar lebih berkualiti serta penghasilan instrumen yang lebih berkesan. Tambahan pula, PBS dapat mengurangkan peperiksaan serta mendorong guru dan murid lebih kreatif dan meningkatkan kemahiran sedia ada.

Model Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah membolehkan kajian ini dilaksanakan berdasarkan elemen-elemen yang terdapat di dalamnya. Ianya dapat membantu mengkaji pengurusan guru dalam melaksanakan PBS dan juga berhadapan dengan beban tugas sampingan yang ada di sekolah.

1.7 Kerangka kajian



Rajah 1.2: Kerangka kajian Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS di sekolah rendah Kawasan Durian Tunggal, Melaka)

Kerangka kajian ini dibina berdasarkan objektif serta persoalan kajian. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan, amalan dan masalah yang dialami guru sewaktu melaksanakan proses PBS di sekolah bagi menilai perkembangan pelajar. Kajian ini juga mengkaji faktor-faktor yang dinyatakan di dalam kerangka terutamanya faktor perbezaan demografi guru yang boleh mempengaruhi sepanjang pelaksanaan PBS di samping mengkaji pendapat guru terhadap kepentingan pentaksiran tersebut.

1.8 Rasional Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pengetahuan, amalan, dan masalah guru dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah serta permasalahan yang timbul dalam pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Hasil kajian ini akan dapat membantu guru-guru dalam memberikan maklumbalas berkaitan PBS yang boleh memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat untuk:

- i. memberikan maklumbalas secara telus kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Lembaga Peperiksaan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Buku Teks dan lain-lain agar dapat memberikan input yang lebih jelas dari masa ke semasa dan berterusan berkaitan pentaksiran.
- ii. membantu guru-guru untuk melaksanakan PBS dengan lebih sistematik dan efisien.
- iii. membantu guru-guru lebih bertanggungjawab dalam membentuk kemenjadian murid sejajar dengan melaksanakan PBS secara holistik.
- iv. mendorong pihak pentadbir sekolah-sekolah yang terlibat dalam menyokong dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dan sering menjalankan pemantauan agar pelaksanaan PBS sentiasa di tahap yang cemerlang.

1.9 Batasan Kajian


Sesebuah kajian yang dijalankan pasti mempunyai skop atau bidang yang terhad. Kajian Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Rendahi Kawasan Durian Tunggal ini juga mempunyai beberap batasan. Antara batasan kajian adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini hanya dijalankan di lima buah sekolah rendah yang berada di Kawasan Durian Tunggal dan tidak melibatkan semua sekolah di daerah Alor Gajah.
- ii. Pemilihan responden dibuat di kalangan guru-guru yang telah mengajar di kelas-kelas yang menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah sahaja. Data yang diperolehi tidak mewakili keseluruhan guru-guru di daerah tersebut.
- iii. Kekangan masa sewaktu proses mengumpul data dalam masa yang ditetapkan dari responden membataskan kelancaran kajian ini. Justeru itu, dapatan kajian ini hanya menggambarkan dapatan semasa dan tidak boleh digeneralisasikan kepada situasi yang lain.
- iv. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklumbalas melalui soal selidik.
- v. Hasil maklumbalas dan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soal selidik.
- vi. Kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik juga bergantung kepada situasi responden tanpa mempunyai sikap bias (tidak adil) dalam memberikan maklumbalas.

1.10 Prosedur Kajian

Kajian ini telah dimulakan selepas mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan penyelia. Isu atau masalah dikenalpasti berdasarkan situasi dan keperluan semasa dalam bidang pendidikan. Tajuk dibina berdasarkan permasalahan yang timbul dan telah mendapat persetujuan penyelia. Seterusnya, kajian dimulakan dengan mengenalpasti masalah serta menyatakan objektif dan pernyataan soalan kajian. Selain itu, kajian juga perlu berdasarkan konsep, model atau teori yang berkaitan dan juga kajian-kajian lepas di luar negara dan juga di dalam negara.

Populasi dipilih mengikut kesesuaian tajuk dan sampel pula diambil daripada populasi berdasarkan jadual penentuan sampel Krejcie dan Morgan (1970). Pertemuan dan perbincangan berkala bersama penyelia bertujuan agar perancangan kajian dilandaskan yang tepat. Metodologi kajian adalah berdasarkan tinjauan soal selidik yang diolah daripada Skala Likert. Penyediaan instrumen kajian adalah penting agar ianya dapat menjawab persoalan kajian. Item-item soalan digubal berdasarkan pemboleh ubah yang ada seperti demografi guru, berkaitan pendapat, pengetahuan, amalan dan beban guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Selepas penyediaan instrumen, kajian rintis dijalankan supaya dapat mengenalpasti bahawa item-item yang digubal itu mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Ini akan menunjukkan bahawa instrumen yang dihasilkan memenuhi kehendak kajian. Penulisan penuh proposal dan instrumen soal selidik akan disemak oleh penyelia dan juga akan membuat permohonan dan kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Melaka dan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Berikut adalah carta alir prosedur kajian ini:



Rajah 1.3: Carta alir prosedur kajian

1.11 Definisi Istilah dan Operasional

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini diperjelaskan bagi menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

1.11.1 Pengurusan

Daripada kamus Webster's New Collegiate, pengurusan bermaksud tindakan atau seni pengurusan (management), mengarah (directing) dan pengawasan (controlling). Manakala Ensiklopedia Sains Sosial pula mendefinisikan pengurusan sebagai suatu proses dimana pelaksanaan sesuatu tujuan tertentu diselenggara dan diawasi. Pengurusan juga adalah fungsi untuk mencapai sesuatu melalui kegiatan orang lain dan mengawasi usaha individu untuk mencapai tujuan bersama. Menurut Robert Kreitner (1983), ianya boleh didefinisikan sebagai suatu proses kerja dengan melalui orang lain bagi mencapai objektif organisasi secara berkesan dengan menggunakan sumber-sumber terhad dengan lebih cekap dalam situasi yang sentiasa mengalami perubahan.

Dalam kajian ini, istilah pengurusan bertujuan untuk melihat bagaimana para guru mengurus-tadbir pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah mengikut ketetapan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.11.2 Pentaksiran

Kementerian Pelajaran Malaysia mentakrifkan pentaksiran sebagai satu sistem operasi untuk mengesan, membuat perbandingan dan menggerakkan perkembangan dan pencapaian murid secara menyeluruh dan berterusan ke arah satu standard yang telah ditetapkan. Pentaksiran juga dinyatakan sebagai satu proses mendapatkan maklumat dan seterusnya membuat penghakiman tentang produk sesuatu proses pendidikan. Menurut Dunn (1991), pentaksiran ialah satu proses pengumpulan maklumat oleh guru tentang pelajarannya dan oleh pelajar sendiri tentang

kenajuan mereka.

Pentaksiran perlu dirancang dan dikendalikan oleh guru dan ianya menjadi sebahagian daripada proses pengajaran yang diharapkan dapat memperbaiki proses pembelajaran pelajar (Noraini Idris, 2008). Menurutnya lagi, pentaksiran dilaksanakan secara berterusan yang bersifat formatif melibatkan guru sepenuhnya dan memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan penguasaan mereka dalam sesuatu kemahiran yang dipelajarinya. Seterusnya, Palomba dan Banta (1999) berpendapat bahawa pentaksiran adalah pengumpulan, membuat kajian semula dan menggunakan maklumat secara sistematik dalam program pendidikan yang dijalankan bertujuan untuk meningkatkan perkembangan dan pembelajaran pelajar.

Pentaksiran adalah proses yang berterusan dengan bertujuan untuk pemahaman dan meningkatkan pembelajaran pelajar. Ianya melibatkan tanggapan dalaman dan juga umum, menentukan kriteria dan standard untuk pembelajaran yang berkualiti dan bersistematik. Penganalisaan data dan menghuraikan evidens juga bertujuan untuk melihat pencapaian pelajar yang selaras dengan penggunaan kriteria dan standard yang boleh membantu meningkatkan pencapaian pelajar (Angelo, T., 1995).

Kajian ini melihat pentaksiran sebagai satu medium untuk menilai dan mengukur kebolehan pelajar dalam menguasai kemahiran dalam sesuatu mata pelajaran di sekolah.

1.11.3 Pengetahuan

Steve Denning (2008) menyatakan bahawa pengetahuan merupakan kondisi atau fakta mengetahui sesuatu melalui pengalaman dan juga hubungan. Beliau mendefinisikannya melalui kamus Webster. Menurut beliau lagi, terdapat banyak definisi mengenai pengetahuan dan yang sering digunakan ialah pengetahuan bernaksud sesuatu idea atau pemahaman yang berkeupayaan mengambil peranan dalam sesuatu tindakan bagi menjayakan sesuatu matlamat. Justeru itu, pengetahuan terbentuk melalui peranan yang dicipta. Manakala Chabris (1983) menghuraikan bahawa pengetahuan ialah sebarang maklumat yang berguna bagi tugas yang dilakukan, sementara Bench-Capon (1990) mendefinisikan pengetahuan ialah penggabungan sintatik dan semantik yang boleh digunakan bagi menerangkan

sesuatu. Nonaka dan Toyama (2006) mendefinisikan pengetahuan sebagai proses manusia yang dinamik dalam menetapkan kepercayaan diri ke arah kebenaran. Profesor Nonaka menjelaskan bahawa pengetahuan terbahagi kepada pengetahuan Tacit (subjektif) dan juga pengetahuan Eksplisit yang lebih bersifat objektif.

Dalam kajian ini, istilah pengetahuan bermaksud melihat para guru tahu akan pelaksanaan pentaksiran di sekolah. Di samping itu, istilah ini juga membawa maksud bahawa kesediaan guru untuk mengimplementasikan dasar-dasar oleh Kementerian Pelajaran Malaysia kepada anak didik di sekolah serta sedar akan kepentingan pentaksiran dalam menentu ukur pencapaian pelajar secara berterusan.

1.11.4 Amalan

Ianya boleh didefinisikan sebagai satu kaedah atau teknik yang dapat menunjukkan keputusan secara konsisten dalam mencapai sesuatu matlamat. Selain itu, ianya juga dijadikan penanda aras dalam pelaksanaan sesuatu pekerjaan.

Kajian ini mendefinisikan amalan sebagai sesuatu yang perlu dilakukan oleh guru bagi menjadikan suatu budaya kerja yang cemerlang serta dapat memberi manfaat kepada pelajar serta sekolah secara keseluruhannya.

1.11.5 Demografi

Secara umumnya, maksud demografi adalah satu pengkajian tentang kependudukan manusia, terutamanya melibatkan kelahiran, kematian, perhubungan atau perkahwinan dan juga migrasi. Terdapat pelbagai definisi demografi yang dikeluarkan oleh ahli-ahli demografi seperti Hawthorn, Bouge dan Hauser & Duncan. Walau bagaimanapun kesemua definisi dipersetujui bahawa demografi ialah pengkajian yang saintifik dan statistik tentang kelahiran, kematian dan perpindahan kerana ketiga-tiga pemboleh ubah ini ialah unsur yang melibatkan perubahan kependudukan.

Philip M Hauser dan Duddley Duncan (1959) mendefinisikan demografi adalah mengkaji saiz, perluasan kawasan dan juga komposisi populasi

yang mengalami perubahan berdasarkan unsur-unsur seperti kelahiran, kematian, perpindahan penduduk dan juga perubahan sosial manusia. Demografi juga dilihat sebagai mengkaji sesuatu dari keadaan dan sikap manusia yang dapat diukur melalui perubahan secara umum, fizikal manusia, peradaban, intelektual dan moral (Achille Guillard, 1855). Manakala menurut David V. Glass (1953) yang menekankan bahawa demografi terbatas oada kajian penduduk akibat daripada pengaruh kejadian kelahiran, kematian dan migrasi.

Dalam kajian ini, demografi dilihat sebagai mengenalpasti seseorang guru seperti bangsa, kepercayaan, jantina, tempat tinggal. Namun demikian, kajian ini boleh melihat perbezaan demografi dapat mempengaruhi budaya kerja seseorang guru.

1.11.6 Masalah

Ianya merujuk kepada sesuatu yang memerlukan penyelesaian atau keadaan yang menimbulkan kesukaran di dalam tugas-tugas yang perlu dibuat oleh guru seperti membuat persediaan mengajar, menyemak latihan pelajar, akauntabiliti terhadap tugas dan pelajar, pelajaran dan pentadbiran. Ianya juga boleh dilihatkan kekangan yang perlu di hadapi oleh seorang dalam tempoh tertentu.

Dalam kajian ini, masalah bermaksud perkara yang timbul tatkala seorang guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah serta tugas-tugas sampingan yang perlu dilakukan seperti mengisi data murid, memegang jawatan dalam unit ko-kurikulum, hal ehwal murid dan lain-lain. Kewujudan masalah atau kekangan ini juga dapat mempengaruhi seorang guru untuk mengurus pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dengan lebih baik atau bersistematik.

1.12 Penutup

Bab 1 ini dengan jelas dihuraikan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Bagi memastikan proses kajian berjalan lancar, kajian dimulakan dengan mengenalpasti masalah-masalah yang berkaitan dengan tajuk serta

menetapkan objektif yang dapat memandu keseluruhan kajian ini. Disamping menjawab persoalan kajian, hipotesis juga dibuat berdasarkan objektif. Kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada kesemua warga Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya warga pendidik. Selain dari itu, kajian juga dijalankan berdasarkan model yang dipilih, kerangka kajian serta mengikut prosedur yang ditetapkan. Penggunaan definisi istilah dan operasional yang bermakna dapat membantu melancarkan proses pemahaman tajuk kajian.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Shukor Abdullah. (1991). *Pengurusan Organisasi. Perspektif Pemikiran dan Teori*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Angelo, T. (1995) Thomas A. Angelo, "Reassessing (and Defining) Assessment" *AAHE Bulletin*, 48(3): 7.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim et al. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan. Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Contreras, L. A. (2002). Contemporary models, procedures and practices in learning assessment: Interview with Anthony Revista *Electronica de Investigacion Educativa*, 4 (1). Retrieved 1.1.13 from:
<http://redie.ens.uabc.mx/vol4no1/contents-nino.html>
- Campbell F. R, Corbally E. J, & Nystrand O. R, (1996). *Pengenalan Pentadbiran Pendidikan*. Terjemahan Abdul Rahman Md. Ariff, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. Universiti Putra Malaysia: Selangor
- Darling-Hammond, L., Wentworth, L. (2010). *Benchmarking Learning Systems: Student Performance Assessment in International Context*. Stanford Centre for Opportunity Policy in Education, Stanford University. Dimuat turun pada 8.10.12, dipetik dari
<http://edpolicy.stanford.edu/sites/default/files/publications/benchmarking-learning-systems.pdf>
- Dr. Lay Yoon Fah, Khoo Chwee Hoon. (2008). *Pengenalan kepada Analisis Statistik dalam Penyelidikan Sains Sosial Siri 2*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.

Dr. Arshad Abd. Samad. (2005). HBET4503 Testing and Evaluation in an ESL Context. Selangor: Open University Malaysia.

Dr. Hj Mohd Nasir Mohd Ashraf. Pengurusan Kualiti Menyeluruh: Suatu Imbasan. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Diambil pada 10.12.12, dipetik dari http://azamri.tripod.com/zt2313disk2/tqm_di_malaysia-nasir_ashraf.pdf

Educational Assessment, Evaluation and Accountability. ISSN: 1874-8597 (Print) 1874-8600 (Online). Dimuat turun pada 10.10.12, dipetik dari link.springer.com/journal/11092

Graham Maxwell. (May 2006). Quality Management of school-based assessments: Moderation of teacher judgements. Paper presented at the 32th IAEA Conference, Singapore.

Grace Grima. (25th-30th August 2003). School-Based assessment: Implementation issues and Practices. paper presented at the 21st Annual AEEA Conference: Assessment and Certification in a Changing Educational, Economic & Social Context. Cape Town, South Africa.

Hairuddin Mohd Ali, Muhammad Bustaman Abdul Manaf. (2009). Perancangan Strategik Sekolah. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2010). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lokman Mohd. Tahir, Mohd Anuar Abd. Rahman. (2011). Orientasi kepimpinan Pengetua Sekolah. Johor: Penerbit UTM

Loucks-Horsley, S. (1996). The Concerns-Based Adoption Model (CBAM): A Model for Change in Individuals. Iowa: Kendall/Hunt Publishing Co. Diambil pada 10.10.12, dipetik dari <http://www.nas.edu/rise/backg4a.htm>

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan.
Johor: Penerbit UTM

Pengurusan Dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sekolah
Rendah. (2011). Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Priscilla Wohlstetter. (1995). Getting School-Based Management Right. What Works
and What Doesn't. Reprinted From The September 1995 Phi Delta Kappan

Quality Management. Dimuat turun pada 8.10.12, dipetik dari
<http://www.businessballs.com/qualitymanagement.htm>

Sabitha Marican (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Selangor: Pearson
Malaysia Sdn. Bhd.

Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 6 Tahun 2011: Penggunaan Buku Pengurusan
dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sekolah Rendah.
KP.LP.003.07.14.05

Tn. Hj. Ali bin Ab. Ghani (A.M.N). (2008). Konsep Sistem Pentaksiran Pendidikan
Kebangsaan (artikel: Membangun Modal Insan). Bahagian Perkembangan
Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Diambil pada 13.11.12, dipetik
dari [pkl.semakmur.blogspot.com/2011/06/konsep-sistem-pentaksiran-
pendidikan.html](http://pkl.semakmur.blogspot.com/2011/06/konsep-sistem-pentaksiran-
pendidikan.html)

Ubben C.G, & Hughes W. L.,(1992). The Principal: Creative Leadership for
Effective Schools.2nd Ed. Allyn and Bacon: United States of America.
http://en.wikipedia.org/wiki/Management_by_objectives. Dimuat turun pada
30 Julai 2007, 2.30 pm.

Unit Penilaian dan Peperiksaan, Pejabat Pelajaran Daerah Hilir Perak. Pentaksiran
Berasaskan Sekolah - Pelaksanaan dan Isu PBS. Diambil pada 10.10.12,
dipetik dari Portal Pejabat Pelajaran Daerah Hilir Perak
<http://www.ppdhilirperak.edu.my/v2/index.php/>

Teaching Excellence and Educational Innovation. Assess Teaching and Learning.

Diambil pada 10.10.12, dipetik dari

www.cmu.edu/teaching/assessment/index.html

The Center For Comprehensive School Reform and Improvement. Using Classroom

Assessment to Improve Teaching. Updated on July 2010. Diambil pada

10.10.12, dipetik dari

www.education.com/reference/article/Ref_Using_Classroom/

Yusof Boon, Mohd Musa Shahrudin. Kepimpinan Guru Besar dalam Pelaksanaan

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota

Tinggi, Johor. Diambil pada 13.11.12, dipetik dari

eprints.utm.my/11929/1/kepimpinan_Guru_Besar_Dlm_pelaksanaan_P_B_S.pdf